

SEKOLAH

1976

KUALA LUMPUR, 30 DIS. (BERNAMA) -- SEMUA GURU SEKOLAH MENENGAH AGAMA YANG BERJAWATAN TETAP AKAN DISERAP DALAM JAWATAN PERKHIDMATAN GURU AGAMA BERIKUTAN DENGAN PENGAMBILAN ALIH SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI SEMENANJUNG MALAYSIA MULAI BULAN DEPAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MEREKA YANG TIDAK BERJAWATAN TETAP AKAN DITAWARKAN PERKHIDMATAN ITU SEKIRANYA MEMPUYAI SYARAT DAN KELULUSAN YANG DIKEHENDAKI OLEH KEMENTERIAN.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA 2,000 NASKAH BUKU CENDERAMATA DARI YANG DIPERTUA LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM, TENGGU PUAN BESAR KURSIAH DI SINI HARI INI.

SEBELAS BUAH SEKOLAH MENENGAH AGAMA TERLIBAT DALAM PENGAMBILAN-ALIH OLEH KERAJAAN ITU, MULAI SABTU INI.

SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT TIALAH DUA DI MELAKA, DUA DI PERLIS, DUA DI KELANTAN, SEBUAH DI JOHOR, SEBUAH DI NEGERI SEMBILAN, SEBUAH DI PULAU PINANG, SEBUAH DI TRENGGANU DAN SEBUAH LAGI DI SELANGOR. -- BERSAMBUNG 1202/LK

SEKOLAH 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, LATIHAN AKAN JUGA DIADAKAN BAGI GURU-GURU ITU SELAIN DARI USAHA KERAJAAN MENDIRIKAN SEBUAH MAKTAB PERGURUAN LATIHAN GURU AGAMA TIDAK LAMA LAGI.

DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA INDUK MENKKAJI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN MASIH LAGI MENJALANKAN TUGAS YANG DIBERIKAN.

MENGENAI TAMBAHAN ELAUN KEPADA PARA PELAJAR ANJURAN KERAJAAN YANG MENUNTUT DI SEBERANGLAUT, BELIAU BERKATA USAHA SEDANG DIJALANKAN BAGI MENAMBAHKAN ELAUN MEREKA.

BELIAU SETAKAT INI TIDAK DAPAT MEMBERI BUTIR LANJUT MENGENAI PERKARA ITU.

TERDAHULU DARI ITU, SEMASA BERUCAP DI MAJLIS PENYAMPAIAN BUKU CENDERAMATA ITU, BELIAU BERKATA KEMENTERIANNYA SENTIASA MEMANDANG BERAT TENTANG PELAJARAN AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH. -- BERSAMBUNG 1205/LK

SEKOLAH 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA IBU BAPA DAN BADAN-BADAN AGAMA DAPAT MEMAINKAN PERANAN PENTING BAGI MENDIDIK ANAK-ANAK MUDA KE ARAH JALAN YANG BENAR SUPAYA MEREKA TIDAK MUDAH TERPENGAROH DENGAN ANASIR-ANASIR KURANG SIHAT.

KATANYA, MEREKA PERLU DIBERIKAN PELAJARAN AGAMA DAN AKHLAK YANG CUKUP.

BELIAU BERKATA BUKU CENDERAMATA ITU AKAN DIHANTARKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH BAGI KEGUNAAN PERPUSTAKAAN SEKOLAH MASING-MASING. -- BERNAMA 1207/LK

209